

HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR ALIRAN VOKASIONAL

NURUL FARAHANAA BINTI ANWAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 menunjukkan penurunan pencapaian bagi Sekolah Menengah Vokasional. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga ingin mengenalpasti gaya pembelajaran paling dominan yang diamalkan oleh pelajar serta melihat perbezaan gaya pembelajaran dengan jantina pelajar. Seramai 131 orang Pelajar Tingkatan Empat Kursus Vokasional Di Sekolah Menengah Vokasional Segamat di Johor telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik *Index of Learning Style (ILS)* yang dibangunkan oleh Felder dan Silverman (1991) yang mengandungi 44 soalan telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Gaya pembelajaran pelajar dapat dilihat melalui empat dimensi gaya pembelajaran yang terdiri dari dua sub-skala yang bertentangan iaitu dimensi pelajar *Aktif* dan *Reflektif*, dimensi pelajar *Konkrit* dan *Intuitif*, dimensi pelajar *Verbal* dan *Visual*, serta dimensi pelajar *Tersusun* dan *Global*. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for WINDOW release 20.0 (SPSS.20.0)*. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data dalam mengkaji hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Nilai pekali p yang diperolehi di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah ($p=0.1$ hingga 0.4). Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pembolehubah tersebut. Kajian ini juga mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar ialah gaya pembelajaran *Tersusun*. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina pelajar.

ABSTRACT

Analysis outcome from the Certificate of Education Malaysia (SPM) 2011 showed a decrease numbers of achievement for secondary vocational schools. Therefore, this study aimed to investigate the relationship between learning styles and academic achievement. Main purposed of study is to identify the most dominant learning style in practiced by the students and see the different learning styles of students' gender. The samples of study consist of 131 form four students who in a Vocational Courses at Segamat Johor are involved. Index of Learning Style (ILS) questionnaires developed by Felder and Silverman (1991) that contained 44 questions are used to conduct this study. Students' learning styles can be seen through the four dimensions of learning consists of two sub-scale of the opposite dimension which is *Active* and *Reflective* learners, *Concrete* and *Intuitive* dimension learners, *Verbal* and *Visual* dimension learners, and lastly from dimension of *Global* and *Structured* learners Data were analyzed using *Statistical Package for Social Science for WINDOW release 20.0* (SPSS.20.0). Pearson correlation test was used to analyze the data in the study of relationship between learning styles and academic achievement. The value of p obtained coefficients between students' learning styles are ($p = 0.1$ to 0.4). This shows there is no significant relationship between the two variables. The study also found that the learning style of the student practice is *Structured* learning styles. The study also found that there was no significant difference between learning styles and student gender.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	7
	1.4 Objektif kajian	8
	1.5 Persoalan kajian	8
	1.6 Hipotesis kajian	9

1.7	Skop kajian	9
1.8	Batasan kajian	9
1.9	Kepentingan Kajian	10
1.9.1	Kepentingan kepada guru	10
1.9.2	Kepentingan kepada pentadbiran sekolah menengah vokasional	10
1.9.3	Kepentingan kepada pengkaji lain	10
1.10	Definisi operasi	11
1.10.1	Pelajar	11
1.10.2	Gaya pembelajaran	11
1.10.3	Pencapaian akademik	12
1.10.4	Pelajar Aktif	12
1.10.5	Pelajar Reflektif	12
1.10.6	Pelajar Konkrit	12
1.10.7	Pelajar Intuitif	13
1.10.8	Pelajar Visual	13
1.10.9	Pelajar Verbal	13
1.10.10	Pelajar Tersusun	13
1.10.11	Pelajar Global	14
1.11	Kerangka konsep	14
1.12	Rumusan	15
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Gaya pembelajaran	17
2.3	Teori gaya pembelajaran	19

2.3.1	Mazhab Behavioris	19
2.3.2	Mazhab Kognitif	20
2.3.3	Mazhab Sosial	20
2.3.4	Mazhab Humanis	21
2.4	Model-model gaya pembelajaran	21
2.4.1	Model gaya pembelajaran Felder & Silverman	22
2.4.2	Model Honey dan Mumford	24
2.4.3	Model gaya pembelajaran Bernice McCarthy	24
2.4.4	Model gaya pembelajaran Kolb	25
2.4.5	Model gaya pembelajaran Slavin	26
2.4.6	Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn	27
2.5	Kajian-kajian lepas	29
2.5.1	Kajian-kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar	29
2.5.2	Kajian hubungan gaya pembelajaran pelajar dari segi jantina	31
2.6	Rumusan	32
BAB 3	METODOLOGI	33
3.1	Pengenalan	33
3.2	Rekabentuk kajian	33
3.3	Lokasi kajian	34
3.4	Populasi kajian	34

3.5	Sampel kajian	35
3.6	Instrumen kajian	36
3.7	Soal selidik	36
3.7.1	Kaedah pengiraan skor	38
3.8	Kajian rintis	39
3.9	Kesahan dan kebolehpercayaan	39
3.10	Prosedur kajian	41
3.11	Analisis data	42
3.12	Kerangka Operasi	42
3.13	Rumusan	44
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis faktor demografi responden	45
4.2.1	Analisis faktor jantina responden	46
4.2.2	Analisis faktor kursus pengajian responden	46
4.2.3	Analisis faktor kaum responden	48
4.2.4	Analisis faktor pencapaian pelajar	49
4.3	Analisis dapatan kajian gaya pembelajaran	49
	Bahagian B	
4.3.1	Gaya pembelajaran pelajar	50
4.3.1.1	Analisis dimensi gaya pembelajaran Aktif dan Reflektif	50

4.3.1.2	Analisis dimensi gaya pembelajaran Konkrit dan Intuitif	52
4.3.1.3	Analisis dimensi gaya pembelajaran Visual dan Verbal	54
4.3.1.4	Analisis dimensi gaya pembelajaran Tersusun dan Global	56
4.3.1.5	Gaya pembelajaran dominan pelajar	58
4.3.2	Perbezaan gaya pembelajaran mengikut jantina	59
4.3.3	Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akedemik	60
4.4	Rumusan	62
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	63
5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan kajian	63
5.3	Perbincangan berhubung hasil dapatan taburan responden	64
5.4	Perbincangan hasil gaya pembelajaran dominan pelajar	65
5.5	Perbincangan hasil perbezaan gaya pembelajaran dengan jantina pelajar	67
5.6	Analisis hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar	69

5.7	Cadangan	70
5.7.1	Cadangan kepada pelajar	70
5.7.2	Cadangan kepada guru	71
5.7.3	Cadangan kepada pihak pentadbiran sekolah	72
5.7.4	Cadangan untuk kajian lanjutan	72
5.8	Kesimpulan	73
	RUJUKAN	75
	LAMPIRAN	81
	VITA	122

SENARAI JADUAL

1.1	Jadual pencapaian Gred Purata Sekolah (keseluruhan) berbanding KPI Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) dan Gred Purata Nasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)	3
1.2	Analisis Peperiksaan SPM SMV Tahun 2011 Mengikut Zon (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)	4
1.3	Analisis Peperiksaan SPM SMT/SMV TAHUN 2011 menerusi perbandingan dan kedudukan GPS 2006-2011 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)	5
2.1	Model gaya pembelajaran Felder & Silverman (1988)	23
2.2	Model gaya pembelajaran mengikut Sistem 4MAT	25
2.3	Model gaya pembelajaran Kolb (1984)	26
2.4	Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	28
3.1	Taburan populasi dan bilangan sampel yang dipilih mengikut kursus berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	35
3.2	Kandungan soal selidik kajian	37

3.3	Pecahan item bagi 4 dimensi dan sub-skala soal selidik ILS	37
3.4	Skala Pemarkahan Soal Selidik ILS	38
3.5	Test-Retest Correlation Coefficients (Felder and Spurlin, 2005)	40
3.6	Nilai pekali Alpha Chronbach soal selidik ILS	40
3.7	Kaedah penganalisan data	42
4.1	Analisis taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	46
4.2	Analisis taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bilangan kursus	47
4.3	Analisis taburan kekerapan dan peratusan mengikut kaum	48
4.4	Analisis kekerapan dan peratusan pencapaian peperiksaan pertengahan tahun pelajar	49
4.5	Analisis Min dimensi gaya pembelajaran Aktif dan Reflektif Index of Learning Style (ILS)	51
4.6	Analisis Min dimensi gaya pembelajaran Konkrit dan Intuitif Index of Learning Style (ILS)	53
4.7	Analisis Min dimensi gaya pembelajaran Visual dan Verbal Index of Learning Style (ILS)	55
4.8	Analisis Min dimensi gaya pembelajaran Tersusun dan Global Index of Learning Style (ILS)	57
4.9	Analisis Min mengikut dimensi gaya pembelajaran dominan pelajar aliran vokasional	58
4.10	Perbezaan signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina pelajar	59
4.11	Kekuatan nilai pekali korelasi (Chua, 2006)	61
4.12	Analisis hubungan korelasi dengan pencapaian akademik pelajar vokasional	61

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep (adaptasi dari model gaya pembelajaran Felder & Silverman)	15
3.1	Kerangka operasi kajian	43

SENARAI SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

p	-	Nilai p kiraan
r	-	Nilai r kiraan
t	-	Nilai t kiraan
M	-	Min
N	-	Jumlah sampel
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
CPA	-	Purata Mata Nilai
CGPA	-	Nilai Gred Terkumpul
Df	-	Darjah kebebasan
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
GPS	-	Gred Purata Sekolah
GPSM	-	Gred Purata Sijil Pelajaran Malaysia
H_0	-	Hipotesis Nul
ILS	-	Index of Learning Styles
KPI	-	Key Performance Index
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KLSI	-	Kolb Learning Style Inventory
MIN	-	Nilai purata
OECD	-	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah

RMK 10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SD	-	Sisihan Piawai
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
SMVS	-	Sekolah Menengah Vokasional Segamat
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UTMH	-	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
VAK	-	Visual, Auditori, Kinestetik

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang soal selidik	82
B	Surat kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia	90
C	Surat kelulusan Pegawai Pelajaran Daerah Segamat	91
D	Surat kelulusan Sekolah Menengah Vokasional Segamat	92
E	Borang pengesahan soal selidik	93
F	Analisis Ujian T bagi dua sampel bebas	98
G	Graf data bertaburan normal	100
H	Analisis Korelasi Pearson	119

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perubahan pesat dalam arus keilmuan perlu dipertingkatkan selari dengan kemajuan ekonomi negara bagi mencapai aspirasi Wawasan 2020. Dalam perancangan Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, kerajaan telah menyenaraikan beberapa perkara yang perlu dipandang serius oleh masyarakat. Pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10) bagi tempoh 2011 sehingga 2015 memperlihatkan beberapa usaha kerajaan yang perlu dilaksanakan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi seperti German, Australia dan negara-negara maju yang lain. Salah satu isi penting yang tersenarai dalam RMK 10 ialah “Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia” di mana kerajaan ingin membentuk dan merubah amalan pendidikan di Malaysia. Perubahan yang dilakukan di dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar memandang serius dalam meningkatkan modal insan bertaraf dunia seiring negara maju yang lain.

Menurut Awang Kechik (2011), kejayaan pelajar masa kini bukan diukur dengan prestasi dalam bidang akademik sahaja tetapi diukur dengan sesuatu yang baru di dalam bidang teknik dan vokasional. Keadaan ini berlaku kerana Malaysia hanya dapat mencapai 10% sahaja kadar purata enrolmen pelajar aliran teknik dan vokasional di peringkat menengah atas berbanding 44% bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Oleh itu, demi melahirkan modal insan yang relevan dengan keperluan semasa serta dapat bersaing di peringkat global,

transformasi pendidikan teknik dan vokasional perlu dilaksanakan dalam mencapai aspirasi negara.

Jika dahulu, masyarakat sering menganggap bahawa sekolah vokasional merupakan tempat bagi golongan pelajar yang mempunyai prestasi akademik di tahap rendah tetapi tidak pada masa kini. Persepsi seperti ini perlulah dihapus di dalam minda masyarakat kerana bidang teknik dan vokasional kini merupakan salah satu bidang yang menyediakan kemahiran serta pengetahuan yang secukupnya bagi mengisi kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan dan juga tempat yang mampu memberikan satu pulangan yang dapat menjana peningkatan ekonomi dengan pesat. Dalam memperoleh ilmu kemahiran dan pengetahuan, pelbagai cara boleh diadaptasikan oleh pelajar agar ilmu yang diajari menjadi lebih mudah untuk difahami. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar memainkan peranan yang penting dalam mengolah ilmu yang dimiliki sekaligus dapat diaplikasikan dalam bidang pekerjaan kerana ianya berkait rapat dengan sikap, personaliti dan ciri-ciri seseorang individu. Justeru itu, pelajar perlu memilih gaya pembelajaran yang betul agar proses pembelajaran menjadi lebih mudah. Gaya pembelajaran seseorang individu adalah berlainan mengikut tahap ilmu yang ingin dipelajari.

Demi memperolehi pencapaian yang cemerlang, gaya pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu mata pelajaran. Pelajar hendaklah mempunyai kaedah yang tersendiri dalam mencari, menyimpan dan menterjemahkan maklumat yang diperolehi. Alias (2005) di dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian akademik pelajar adalah dipengaruhi oleh gaya pembelajaran yang diamalkan dan kecerdasan emosi pelajar. Pemahaman pelajar dapat diukur melalui prestasi akademik yang diperolehi. Peperiksaan dan latihan merupakan alat pengukur kepada pengetahuan yang diperolehi melalui amalan gaya pembelajaran. Oleh itu dalam mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam bidang vokasional, satu kajian perlu dijalankan bagi melihat gaya pembelajaran apakah yang diamalkan oleh mereka dalam memperolehi ilmu kemahiran yang seterusnya akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi melalui pencapaian akademik yang diperolehi.

1.2 Latar belakang masalah

Selari dengan kemajuan yang ingin dilakukan oleh Malaysia, pembentukan modal insan dan sistem pendidikan perlulah diberi penekanan bermula di peringkat awal lagi. Dalam misi melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berkualiti, bidang teknik dan vokasional perlulah diberi penekanan yang khusus dan mendalam agar bidang ini tidak lagi dianggap sebagai kelas kedua.

Demi memperlihatkan keberhasilan yang telah dirancang dalam arena pendidikan teknik dan vokasional, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional telah dilancarkan. Pendidikan vokasional di Malaysia ini perlu melalui perubahan yang besar dengan segera bagi mengelakkan negara terus ketinggalan sekaligus menjadi tidak kompetitif di peringkat global. Pencapaian akademik Sijil Penilaian Malaysia (SPM) bagi pelajar pendidikan teknik dan vokasional keseluruhannya dapat dilihat melalui Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Jadual pencapaian Gred Purata Sekolah (keseluruhan) berbanding KPI Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) dan Gred Purata Nasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

TAHUN	GRED PURATA KESELURUHAN	KPI BPTV	GRED PURATA NASIONAL
2009	4.84	4.85	5.34
2010	4.45	4.57	5.19
2011	4.29	4.13	5.04

Jadual 1.1 di atas menunjukkan tidak banyak perbezaan pencapaian akademik dalam peperiksaan SPM pada tahun 2011 jika dibandingkan pada tahun 2010. Walaupun tidak menunjukkan perubahan yang ketara, tetapi ianya masih lagi dikategorikan sebagai pencapaian yang terbaik pernah dicapai sehingga kini. Dalam menghasilkan pelajar yang berkemahiran tinggi dari aspek *hands-on*, prestasi akademik pelajar juga perlu dipandang serius. Ini kerana kemahiran yang diperolehi mestilah selari dengan

pengetahuan yang tinggi agar dapat menghasilkan tenaga kerja yang cekap dan mahir. Pelajar vokasional mestilah didedahkan dengan pengetahuan *hands-on* dan *minds-on* agar pengetahuan yang diperolehi seimbang bagi membolehkan mereka bersaing maju di dalam perindustrian yang mereka ceburi. Menerusi Analisis Peperiksaan SPM 2011 bagi Sekolah Menengah Vokasional (SMV) mengikut zon menunjukkan negeri Johor berada pada kedudukan ke dua tertinggi berbanding zon-zon lain. Analisis tersebut dapat dilihat melalui jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2: Analisis Peperiksaan SPM SMV Tahun 2011 Mengikut Zon
(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

BIL	SMT / SMV ZON	BIL AMBIL	GRED									TH	BIL LULUS	PERATUS LULUS			GRED PURATA			
			A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E			G	SEMASA	LEPAS	BETA	SEMASA	LEPAS	BETA
1	Melaka/Negeri Sembilan	15178	166	1215	2289	2783	2950	1816	1479	1725	898	477	96	14701	96.86	97.37	-0.52	4.28	4.18	0.11
2	Johor	14344	147	1285	2176	2538	2204	1677	1332	1753	879	436	111	13908	96.97	97.42	-0.45	4.29	4.12	0.17
3	Perak	14101	144	1116	2119	2457	2140	1731	1334	1750	879	431	108	13670	96.94	96.93	0.01	4.33	4.37	-0.04
4	Kuala Lumpur/Selangor	12902	168	990	1932	2270	1923	1517	1197	1683	806	416	110	12486	96.78	98.42	-1.65	4.35	4.07	0.27
5	Pahang	9739	100	736	1478	1742	1381	1157	932	1169	650	394	96	8945	95.95	96.58	-0.63	4.36	4.33	0.03
6	Kedah/Perlis	14332	190	1095	1977	2534	2054	1692	1404	1749	1016	622	63	13710	95.66	96.39	-0.72	4.45	4.41	0.03
7	Sarawak	8618	96	488	1147	1518	1424	1091	944	1122	542	246	174	8372	97.15	96.46	0.69	4.47	4.58	-0.12
8	Pulau Pinang	6484	70	415	782	1114	1084	913	697	826	401	217	75	6282	96.66	97.11	-0.45	4.51	4.31	0.20
9	Kelantan/Terengganu	12800	83	701	1549	2062	1994	1616	1314	1628	1096	751	98	12043	94.09	93.53	0.56	4.76	4.81	-0.05
10	Sabah/W.P.Labuan	12023	52	498	1377	2094	1958	1594	1282	1618	1017	543	230	11480	95.48	96.39	-0.91	4.77	4.52	0.25
JUMLAH KESELURUHAN		120533	1216	9489	16786	21887	18812	14884	11915	15022	8184	4638	11588	115895	96.24	96.54	-0.31	4.45	4.64	-0.19
			1.01	7.02	13.93	17.50	15.36	12.28	8.69	12.48	6.79	3.76								

Merujuk Jadual 1.2 di atas, menunjukkan zon Johor masih lagi berada pada kedudukan yang baik di mana mempunyai Gred Purata Sekolah (GPS) ke dua terendah iaitu sebanyak 4.29 walaupun mempunyai penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 4.12. Walaupun zon Johor menduduki tempat ke dua terbaik tetapi ini bukan bermakna keseluruhan keputusan SPM bagi SMV di zon terbabit memperoleh keputusan yang cemerlang dan menduduki tempat terbaik. Ini dapat dilihat menerusi analisis yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan Sekolah Menengah Vokasional Segamat (SMVS) berada pada kedudukan yang kurang memuaskan berbanding SMV yang berada di zon Johor. Analisis terbabit boleh dirujuk melalui Jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3: Analisis Peperiksaan SPM SMT/SMV TAHUN 2011 menerusi perbandingan dan kedudukan GPS 2006-2011 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)

BIL.	KOD	NAMA SEKOLAH	GP SEKOLAH											
			2006	Ked	2007	Ked	2008	Ked	2009	Ked	2010	Ked	2011	Ked
51	JHA3002	SMV Kota Tinggi, Johor	5.31	29	5.54	54	5.41	56	5.16	57	4.56	51	4.53	51
52	AHA4002	SMV Kuala Kangsar, Perak	5.88	69	5.67	66	5.47	60	5.20	61	4.57	52	4.54	52
53	WHE0001	SMV Setapak, Kuala Lumpur	5.59	44	5.60	58	5.20	38	4.97	45	4.27	25	4.56	53
54	AHA0002	SMV Slim River, Perak	5.90	71	5.89	81	5.83	81	4.94	43	4.64	58	4.58	54
55	AHA2001	SMV Leboh Cator, Ipoh, Perak	5.84	65	5.49	49	5.32	45	4.87	39	4.88	66	4.59	55
56	XKB4001	SMT Likas, Sabah*	5.91	72	5.19	28	5.49	62	5.64	80	4.71	62	4.60	56
57	PHA2001	SMV Butterworth, P. Pinang	5.87	67	5.87	80	5.71	78	5.01	49	4.51	46	4.63	57
58	JHA1001	SMV Tanjung Puteri, Johor	5.46	34	5.76	75	5.63	72	5.17	59	5.11	77	4.63	58
59	CHA4001	SMV Kuantan, Seri Pelindung, Pahang	5.88	70	5.89	67	5.71	77	5.21	62	4.64	57	4.66	59
60	NKA1001	SMV Juasseh, Negeri Sembilan	6.33	87	5.78	76	5.36	50	5.01	50	4.65	60	4.66	60
61	MHA0001	SMV Datok Seri Mohd Zin, Melaka	5.81	61	5.21	31	5.18	36	4.83	36	4.46	37	4.68	61
62	MHA2002	SMV Melaka Tengah, Melaka	5.58	43	5.41	47	5.30	43	4.89	40	4.29	26	4.69	62
63	JHA0002	SMV Batu Pahat, Johor	5.56	39	5.66	63	5.35	49	5.28	67	4.78	65	4.72	63
64	CHE9060	SMT Pertanian Chenor, Pahang	6.27	85	5.38	45	5.37	51	5.57	78	5.27	80	4.74	64
65	PHA1001	SMV Batu Lanchang, P. Pinang	6.01	77	5.82	79	5.69	76	5.55	76	5.02	73	4.75	65
66	DHA1001	SMV Pengkalan Chepa, Kelantan	5.75	56	5.63	59	5.52	67	5.15	55	5.00	71	4.77	66
67	JHA5001	SMV Muar, Johor	5.98	75	5.72	69	5.69	75	5.29	69	4.46	36	4.77	67
68	PHA4002	SMV Nibong Tebal, P. Pinang	6.04	78	5.49	50	5.33	47	5.17	60	4.91	68	4.77	68
69	TKA1001	SMT Dungun, Terengganu	5.09	20	5.20	29	5.18	35	4.93	42	4.88	67	4.79	69
70	XHA5002	SMV Kudat, Sabah	5.50	36	5.74	72	5.27	41	5.65	81	4.35	27	4.79	70
71	YKE9101	SMT Bintulu, Sarawak	6.06	80	5.66	65	5.37	52	5.75	84	5.07	74	4.79	71
72	AKA3001	SMV Kerian, Perak	6.05	79	5.95	83	6.25	86	5.83	85	5.61	85	4.84	72
73	DKA3001	SMT Pasir Mas, Kelantan	5.65	48	5.14	25	5.15	32	4.67	23	4.51	43	4.85	73
74	YKB1201	SMV Kuching, Sarawak	5.82	47	5.75	73	5.46	59	5.66	82	4.71	61	4.88	74
75	CHA3002	SMV Sultan Hj. Ahmad Shah, Kuala Lipis, Pahang	5.04	18	5.07	19	4.74	14	4.60	21	4.44	35	4.94	75
76	DHA5002	SMV Tanah Merah, Kelantan	6.00	76	5.72	70	5.85	82	5.26	65	5.69	87	4.94	76
77	JHA7002	SMV Segamat, Johor	5.83	64	5.66	64	5.50	64	4.97	47	4.94	69	4.95	77
78	XHA3101	SMT Lahad Datu, Sabah	5.59	45	5.38	44	5.66	73	5.75	83	5.01	72	4.97	78
79	YHA2401	SMV Betong, Sarawak	6.18	83	6.42	86	6.03	85	5.92	86	5.33	81	5.00	79
80	RHA0003	SMV Arau, Perlis	5.70	53	5.92	82	5.61	70	5.26	66	5.69	88	5.05	80
81	THA0001	SMV Besut, Terengganu	5.70	54	5.64	60	5.87	83	5.31	71	5.52	84	5.10	81
82	THA2002	SMV Kemaman, Terengganu	5.79	60	5.52	53	5.77	79	5.58	79	5.50	83	5.17	82
83	RHA0002	SMV Kangar, Perlis	6.12	82	5.80	78	5.42	57	5.31	70	5.15	78	5.25	83
84	XHA3099	SMT Tawau, Sabah	4.85	13	5.25	35	5.16	33	5.28	68	4.53	48	5.25	84
85	KHA3003	SMV Sungai Petani 1, Kedah	6.29	86	6.44	87	6.39	87	5.95	87	5.68	86	5.28	85
86	XHA3102	SMV Beaufort, Sabah									5.08	75	5.35	86
87	CHA8001	SMT Sultan Ahmad Shah, Kuala Rompin, Pahang	5.40	31	5.34	42	5.38	53	5.37	73	5.20	79	5.41	87
88	DHA7002	SMV Kuala Krai, Kelantan	6.08	81	5.55	56	6.00	84	5.23	63	5.41	82	5.43	88
GRED PURATA KESELURUHAN			5.40		5.27		5.15		4.84		4.45		4.29	

Daripada Jadual 1.3 di atas jelas menunjukkan bahawa SMVS berada pada kedudukan ke 77 daripada 88 buah sekolah SMT/SMV yang berada di Malaysia. Walaupun mengikut statistik awal peringkat zon, Johor menduduki tempat ke dua teratas ini tidak bermakna keseluruhan SMT/SMV di zon ini berada pada kedudukan yang baik. Dapat dilihat di mana SMVS sering berada dilingkungan 50 ke bawah berbanding SMT/SMV di zon Johor yang lain. Adakah amalan gaya pembelajaran yang salah digunakan oleh pelajar penyumbang kepada pencapaian akademik yang kurang memuaskan ini?

Yahaya & Abdul Karim (2003) di dalam kajiannya mendapati terdapat perbezaan di antara gaya pembelajaran dengan prestasi akademik yang diamalkan

oleh pelajar dan juga mempunyai perbezaan yang signifikan di antara rangsangan keluarga dengan gaya pembelajaran. Ini kerana cara ataupun stail pembelajaran yang diamalkan adalah berkait rapat dengan latar belakang keluarga, pergaulan dan pendedahan pendidikan yang diberikan kepadanya semasa proses pembesaran. Pelajar yang gagal mengaplikasikan gaya pembelajaran yang betul akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Perbezaan individu merupakan ciri yang membezakan seorang individu dengan individu yang lain. Dari segi fizikal, individu jelas berbeza dari segi jantina, bentuk fizikal badan, tahap kesihatan dan sebagainya. Dari segi kognitif, perbezaan dilihat dari segi keupayaan melakukan persepsi, pemahaman, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan menunjukkan respons terhadap maklumat yang diterima. Manakala, dari segi afektif, individu berbeza dari sudut personaliti, kecenderungan perasaan, tanggungjawab, motivasi dan tahap interaksi dengan rakan sebaya. Perbezaan individu yang paling asas dapat dilihat dari segi jantina di mana persoalan pencapaian akademik yang tidak seimbang di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan pada masa ini adalah merupakan satu isu pendidikan yang semakin ketara serta perlu diberi perhatian (Kamaruddin & Mohamad, 2011). Menurut (Yahaya *et al.*, 2003) kesan jangka panjang ketidakseimbangan yang berlaku pada masa kini akan mempengaruhi polisi pendidikan pada masa akan datang. Ketidakseimbangan yang begitu ketara dari segi bilangan pelajar lelaki dan perempuan di pusat-pusat pengajian tinggi adalah menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih baik pencapaian akademiknya jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Nampaknya trend ini bukan sahaja berlaku di negara ini malah juga berlaku di kebanyakan negara di seluruh dunia dan ianya merupakan satu fenomena global. Ini berlaku disebabkan oleh perbezaan gaya belajar yang diamalkan oleh mereka.

Menurut Husin & Nordin (2011) punca kemerosotan keputusan akademik adalah kerana pelajar gagal mengaplikasikan gaya pembelajaran yang betul. Keadaan ini sekaligus menyebabkan pelajar yang mempunyai keputusan yang tidak cemerlang gagal menempatkan diri di dalam alam pekerjaan. Melihat daripada analisis Gred Purata Sijil Pelajaran Malaysia (GPSPM) 2011 mengikut Zon secara keseluruhannya Negeri Johor meningkat sebanyak 2.41% bilangan pelajar yang lulus semua matapelajaran dan ini menunjukkan kemajuan dari segi akademik. Tetapi berlainan pula dengan pelajar yang mengambil Aliran Teknik dan Vokasional kerana masing-

masing menunjukkan penurunan dalam pencapaian SPM tahun lalu di mana Aliran Teknik dan Vokasional menurun sebanyak 0.2% dan 0.46%. Justeru itu, satu kajian perlu dilakukan dalam mengenalpasti gaya pembelajaran apakah yang sesuai diaplikasikan oleh seseorang pelajar dalam memperoleh ilmu pengetahuan yang berkesan sekaligus dapat meningkatkan lagi peratusan pencapaian akademik pelajar. Ini kerana melalui gaya pembelajaran yang betul pelajar akan mudah memahami sesuatu pelajaran dengan mudah sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, pelajar haruslah memahami dirinya terlebih dahulu sebelum mengadaptasikan gaya pembelajaran yang sesuai dengannya demi memperoleh kejayaan seterusnya dapat menempatkan diri ke peringkat yang lebih tinggi.

1.3 Pernyataan masalah

Isu pencapaian akademik pelajar vokasional sering diperkatakan kerana pelajar dari aliran ini hanya memberikan fokus dari sudut praktikal sahaja berbanding mata pelajaran teras yang lain. Ini dapat dibuktikan lagi dengan penurunan sebanyak 0.46% di dalam peperiksaan SPM tahun 2011. Walaupun peratusan penurunan adalah sedikit tetapi ia tidak sepatutnya berlaku sekiranya pelajar dan pihak sekolah dapat mengambil langkah pemulihan dari awal lagi. Masalah ketiadaan padanan di antara gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar boleh mengakibatkan pemindahan pembelajaran yang kurang sempurna. Husin & Nordin (2011) menyatakan bahawa punca kemerosotan pencapaian akademik adalah kerana pelajar gagal mengaplikasikan gaya pembelajaran yang betul. Setiap pelajar mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza dalam memahami sesuatu konsep yang dipelajari.

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional peratusan pelajar yang lulus aliran vokasional dilihat menurun di lima buah negeri dan ini menunjukkan pelajar aliran vokasional ini perlu diberikan tumpuan yang serius oleh pihak sekolah agar pelajar ini tidak akan mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar terdahulu. Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah bagi mengetahui prestasi akademik pelajar dan mengenalpasti gaya pembelajaran apakah yang diamalkan oleh pelajar aliran vokasional di Sekolah

Menengah Vokasional Segamat dalam memperoleh dan memperkembangkan lagi pengetahuan mereka.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar aliran vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat. Justeru itu, beberapa objektif telah disenaraikan bagi memahami kajian dengan lebih mendalam, objektif tersebut ialah:

- i. Mengenal pasti gaya pembelajaran dominan pelajar aliran vokasional berdasarkan *Index of Learning Style*.
- ii. Mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran terhadap jantina pelajar vokasional.
- iii. Mengenal pasti hubungan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar aliran vokasional.

1.5 Persoalan kajian

Penyelidik menjalankan kajian bagi menjawab persoalan berikut:

- i. Apakah gaya pembelajaran dominan pelajar aliran vokasional berdasarkan *Index of Learning Style*?
- ii. Adakah terdapat perbezaan di antara gaya pembelajaran terhadap jantina pelajar aliran vokasional?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar aliran vokasional?

1.6 Hipotesis kajian

Berdasarkan persoalan kajian (ii) dan (iii), hipotesis kajian dibentuk bagi menjawab persoalan tersebut. Ianya adalah:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan jantina pelajar

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar aliran.

1.7 Skop kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan empat aliran vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat. Ianya meliputi enam kursus aliran vokasional yang ditawarkan iaitu Automotif, Penyejuk & Penyamanan Udara, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan, Elektrik & Elektronik serta Binaan Bangunan. Selain itu juga kajian ini hanya mengaplikasikan model gaya pembelajaran Felder & Silverman sebagai satu model bagi melihat kecenderungan gaya pembelajaran pelajar yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar terbabit.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan empat aliran vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat bagi sesi 2012. Persampelan kajian dipilih secara rawak meliputi ke semua kursus aliran vokasional yang ditawarkan dan ini menyebabkan generalisasi kajian adalah terbatas. Untuk mendapatkan satu laporan yang spesifik kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pentadbiran Sekolah Menengah Vokasional Segamat, sepatutnya kajian yang dilakukan ini meliputi keseluruhan pelajar aliran vokasional sebagai sampel.

Kajian ini juga terbatas dari segi item yang terkandung di dalam borang soal selidik. Ini kerana item yang dibina hanya untuk menjawab persoalan kajian mengenai gaya pembelajaran pelajar aliran vokasional berdasarkan item yang terkandung di dalam *Index of Learning Style*.

1.9 Kepentingan Kajian

Dalam kepentingan kajian, diterangkan mengenai kepentingan kepada guru, kepentingan kepada pentadbiran sekolah vokasional dan juga kepentingan kepada para pengkaji lain.

1.9.1 Kepentingan kepada guru

Melalui kajian yang dilaksanakan ini, diharapkan ianya dapat membantu golongan pendidik dalam mengenalpasti gaya pengajaran apakah yang sesuai dan perlu diberikan kepada murid melalui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Ini kerana melalui gaya pengajaran yang sesuai dan berpadanan dengan tahap pemikiran, pelajar akan mudah memperoleh peningkatan prestasi akademik kerana memahaminya dengan lebih jelas. Selain itu juga, sesuatu pembelajaran itu menjadi lebih seronok sekiranya golongan pendidik dapat memahami kehendak amalan pembelajaran pelajar mereka.

1.9.2 Kepentingan kepada pentadbiran sekolah menengah vokasional

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak pentadbiran sekolah menengah vokasional dalam usaha meningkatkan lagi prestasi pencapaian akademik pelajar mereka. Melalui amalan gaya pembelajaran yang sesuai ianya dapat membantu pelajar agar berusaha dalam memahami sesuatu permasalahan dan dapat mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian sekaligus menepati kehendak dan perubahan arus globalisasi di dalam pendidikan masa kini.

1.9.3 Kepentingan kepada pengkaji lain

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji lain dalam mengenalpasti dan menyelesaikan permasalahan dalam pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar. Selain itu juga, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji lain dalam usaha menggapai kecemerlangan di dalam bidang pendidikan. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai cadangan dalam usaha

membentuk gaya pembelajaran pelajar aliran vokasional ataupun aliran kemahiran yang lain dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

1.10 Definisi operasi

Definisi operasi kajian yang dilaksanakan bagi melihat kecenderungan gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik dapat ditakrifkan seperti berikut:

1.10.1 Pelajar

Pelajar merujuk kepada pelajar aliran vokasional yang mengambil kursus Automotif, Penyejuk & Penyamanan Udara, Amalan Bengkel Mesin, Kimpalan, Elektrik & Elektronik serta Binaan Bangunan. Pelajar aliran vokasional juga merujuk kepada pelajar tingkatan empat bagi sesi persekolahan 2012 yang mengambil kursus vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat.

1.10.2 Gaya pembelajaran

Gaya bererti cara, sikap, amalan dan kesukaan cara berkelakuan dalam melakukan sesuatu perkara. Pembelajaran pula merujuk kepada sesuatu ilmu ataupun perkara yang diperolehi daripada hasil perlakuan seseorang. Oleh itu gaya pembelajaran dapat diertikan sebagai cara ataupun kaedah seseorang dalam mengumpul, memproses dan mengingat kembali ilmu yang diperolehi hasil daripada usaha yang dilakukan. Dalam kajian ini, gaya pembelajaran dikenalpasti dengan menggunakan model Felder & Silverman yang mengklasifikasikan gaya pembelajaran kepada empat dimensi. Empat dimensi diambil kira dan setiap dimensi itu terdiri daripada dua sub-skala yang bertentangan iaitu dimensi pelajar *Aktif* dan *Reflektif*, dimensi pelajar *Konkrit* dan *Intuitif*, dimensi pelajar *Verbal* dan *Visual*, serta dimensi pelajar *Tersusun* dan *Global*.

1.10.3 Pencapaian akademik

Pencapaian bermaksud hasil ataupun perolehan yang diperolehi oleh seseorang setelah dia berusaha untuk memilikinya dengan menggunakan cara yang tersendiri. Akademik pula boleh diertikan sebagai akademi (tempat yang memberikan ilmu pengetahuan yang tinggi dan mendalam) kepada seseorang. Dalam kajian ini pencapaian akademik merujuk kepada Peraturan Keseluruhan Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun Pelajar Tingkatan Empat Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat.

1.10.4 Pelajar Aktif

Pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar aktif ini merupakan pelajar yang gemar belajar dan mencuba semua perkara dan suka bekerja dengan orang lain. Pelajar ini juga lebih cenderung untuk mengingati sesuatu maklumat dengan melakukan aktiviti yang berkaitan dengannya seperti menggunakannya, menerangkannya ataupun membincangkannya dengan orang lain. Pelajar ini tidak suka akan pembelajaran secara kuliah.

1.10.5 Pelajar Reflektif

Pelajar reflektif di dalam kajian ini merujuk kepada pelajar yang gemar belajar dan memahami sesuatu perkara dengan cara memikirkan semua perkara secara bersendirian dan tidak melibatkan orang lain. Pelajar ini dikatakan lebih pasif dan tidak gemar melakukan perbincangan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan.

1.10.6 Pelajar Konkrit

Pelajar konkrit adalah pelajar yang lebih cenderung membaca sesuatu yang berkenaan dengan fakta. Mereka ini lebih sabar dengan maklumat-maklumat dan mempunyai kelebihan dalam mengingati fakta. Pelajar ini merupakan pelajar yang konkrit, praktikal, berorientasikan prosedur dan mempunyai pemikiran yang inovatif.

Selain itu juga lebih teliti dalam menjalankan kerja-kerja amali, gemar menghafal dan tidak gemar pembelajaran yang tiada hubungkait dengan kehidupan di luar kelas

1.10.7 Pelajar Intuitif

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran intuitif ini cenderung untuk mencari sebab, kemungkinan dan perkaitan mengenai sesuatu perkara. Pelajar juga meminati dalam memahami sesuatu konsep baru dan sentiasa berasa lebih selesa dengan idea-idea abstrak dan formula matematik. Pelajar jenis ini lebih gemar kepada sesuatu yang baru, cepat bekerja dengan keadaan yang tidak tersusun dan tidak gemar menghafal. Pelajar jenis ini juga tidak gemar pembelajaran yang berulang dan lebih suka kepada inovasi.

1.10.8 Pelajar Visual

Pelajar visual iaitu pelajar yang lebih menggemari perwakilan dan persembahan bahan-bahan seperti gambarajah, carta alir ataupun pembelajaran lisan (seperti penulisan dan keterangan percakapan)

1.10.9 Pelajar Verbal

Pelajar verbal adalah pelajar yang lebih selesa dan gemar gaya pembelajaran menerusi perkataan, lukisan serta penjelasan secara berhujah. Pelajar ini lebih suka mendengar apa yang diucapkan oleh guru atau perbincangan yang dijalankan di kelas dan suka membaca secara kuat serta mengulanginya beberapa kali (suka akan pengulangan).

1.10.10 Pelajar Tersusun

Pelajar tersusun merujuk kepada pelajar yang suka untuk mengingat dan memahami sesuatu sekiranya sesuatu pengajaran disampaikan secara tersusun dari mudah ke sukar dan mengikut langkah-langkah yang logik. Mereka juga lebih menggemari


guru mengajar secara tersusun dan menunjukkan hubungkait dengan apa yang telah diajar sebelum itu.

1.10.11 Pelajar Global

Pelajar yang lebih cenderung untuk mengumpulkan maklumat yang mereka perlu secara rawak dan seterusnya memahami sesuatu secara spontan berdasarkan maklumat yang dikumpulkan. Selain itu, pelajar jenis ini boleh menerima sesuatu maklumat dalam pelbagai bentuk sama ada tersusun atau tidak dan mereka berupaya menyelesaikan masalah yang kompleks secara pantas. Walaubagaimanapun mereka sukar menerangkan sesuatu yang mereka faham secara terperinci bagaimana mereka dapat menyelesaikan sesuatu masalah itu. Dengan istilah yang mudah pelajar ini merupakan pelajar yang berfikir secara meluas dan terbuka mengenai sesuatu perkara.

1.11 Kerangka konsep

Kerangka konsep kajian ini direka bagi menjelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang bagaimana kajian ini dikaji. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang dilakukan



Rajah 1.1: Kerangka konsep (adaptasi dari model gaya pembelajaran Felder & Silverman)

1.12 Rumusan

Bahagian 1 ini merangkumi pengenalan, latar belakang masalah yang dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, model kajian, batasan kajian dan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar aliran vokasional di Sekolah Menengah Vokasional Segamat, Johor. Selain itu, pengkaji juga turut melihat faktor jantina pelajar sama ada ianya terdapat perbezaan yang signifikan ataupun tidak. Diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat membantu para pelajar agar mereka

lebih mengenali gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka sekaligus dapat meningkatkan prestasi akademik.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian mengenai gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Aspek yang dikaji ini merangkumi beberapa perkara yang berkaitan dengan pembelajaran, gaya pembelajaran pelajar, teori-teori yang berkaitan gaya pembelajaran serta implikasinya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model-model gaya pembelajaran juga turut dikaji bagi membolehkan pengkaji membuat pemilihan yang tepat dan bersesuaian dengan kajian yang dikaji. Selain itu juga, Bab 2 ini meliputi kajian-kajian lepas mengenai pelbagai gaya pembelajaran yang diamalkan melalui pelbagai model gaya pembelajaran serta gaya pembelajaran pelajar dari sudut demografi.

2.2 Gaya pembelajaran

Felder (1996) mendapati bahawa pelajar mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza dan ianya dapat dilihat dari sudut kekuatan dalaman dan luaran dalam menerima, memproses dan menterjemahkan maklumat. Pelajar menerima dan memproses maklumat dalam pelbagai bentuk antaranya melalui pemerhatian data, fakta dan algoritma. Tetapi terdapat juga sebilangan pelajar yang lebih memahami sesuatu maklumat yang berbentuk teori ataupun model-model sesuatu item. Ada juga pelajar yang mudah memahami maklumat yang berbentuk visual seperti gambarajah,

ilustrasi ataupun verbal yang dapat diperolehi melalui penerangan secara lisan atau kuliah

Gaya pembelajaran dan latar belakang pelajar mempunyai kaitan diantara satu sama lain kerana ianya diberikan pendedahan kepada pelajar semasa proses pembesaran melalui pergaulan yang diamalkan ketika di rumah dan bersama keluarga. Asas gaya pembelajaran terbahagi kepada tiga iaitu VAK (Visual, Auditori, Kinestetik). Pelajar golongan visual suka mempelajari sesuatu dengan melihat perkataan atau huruf, benda, gambar atau gambarajah dan lakonan. Pelajar audio pula lebih suka mendengar, bercerita, berbual dan memberi pendapat dalam proses pembelajaran. Manakala pelajar kinestetik pula lebih cenderung melakukan sesuatu seperti melukis, membuat latihan, kerja amali, eksperimen, lakonan, simulasi atau projek (Mohamad *et al*, 2008).

Terdapat empat kategori gaya pembelajaran menurut Bernice McCarthy yang lebih dikenali melalui Model Sistem 4MAT dimana sistem ini mempunyai dua skala. Skala pertama mempunyai kesinambungan daripada pengalaman konkrit kepada konsep abstrak. Manakala skala kedua mempunyai perhubungan yang dapat dilihat melalui membayangkan serta memerhati kepada melakukan eksperimen secara aktif. Ianya lebih merujuk kepada bagaimana pelajar memproses pengalaman dan maklumat yang diperolehi. Kombinasi dua skala ini telah menghasilkan empat kategori pelajar yang mana kategori pertama adalah pelajar bersifat inovatif, kedua bersifat analitikal, ketiga bersifat praktik dan kategori keempat pula ialah bersifat dinamik (Abu *et al*, 2007)

Yahaya (2003) di dalam kajiannya mendapati gaya belajar seseorang merangkumi, pemikiran luaran, pemikiran dalaman dan cara bertingkh laku yang membenarkan pembelajaran berkesan diperolehi. Di dalam erti kata lain, gaya pembelajaran yang berkesan adalah di mana pelajar dapat mencungkil cara pemikiran yang kreatif dan kritis dalam mengolah sesuatu mengikut keperluan

Gaya belajar seseorang adalah berlainan sebelum dan selepas memasuki alam persekolahan. Sekiranya gaya belajar yang diterapkan oleh pelajar adalah berpadanan dengan kursus yang diambil, maka ianya akan menunjukkan kesan yang positif ke atas pencapaian akademik mereka. Ini kerana apabila berlaku sesuatu keadaan yang mana melibatkan kaedah, sumber dan kursus pengajian disuaikan dengan sifat strategi pembelajaran pelajar, maka ianya akan menunjukkan peningkatan dalam

pencapaian akademik. Tetapi sekiranya perkara yang sebaliknya berlaku (padanan sifat dan strategi) tidak bersesuaian, maka pencapaian akademik pelajar akan merosot (Dunn, 1979).

Aktiviti seperti berfikir, membuat pemerhatian dan mengimbas kembali pengalaman yang telah disimpan di dalam stor ingatan sebelum membuat sesuatu kesimpulan merupakan salah satu cara manusia belajar (Ikhasan, 2007).

Mok (2001) menyifatkan gaya pembelajaran merupakan cara bagaimana seseorang itu belajar mengambil maklumat, merekod dan memfailkan maklumat yang diperolehi agar ianya boleh digunakan apabila diperlukan. Kecerdasan dan kemahiran seseorang tidak berkait rapat dengan gaya pembelajaran tetapi ianya berkait rapat dengan bagaimana minda seseorang itu bekerja dengan berkesan terhadap sesuatu pembelajaran.

2.3 Teori gaya pembelajaran

Teori pembelajaran merupakan dapatan kajian ahli-ahli psikologi pendidikan mengenai konsep pembelajaran, faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran serta proses dan sebab berlakunya pembelajaran. Teori pembelajaran ini memberikan penghuraian tentang unsur, faktor dan mekanisme yang terlibat dalam proses pembelajaran. Kebanyakan teori pembelajaran adalah dihasilkan daripada kaji selidik atau pemerhatian. Terdapat pula, sesetengahnya dibentuk melalui pemikiran logik berasaskan falsafah (Mok, 2002). Pada asasnya, konsep pembelajaran yang berlandaskan teori-teori pembelajaran masa kini boleh diklasifikasikan kepada empat mazhab iaitu *behavioris*, *kognitif*, *sosial* dan *humanis*.

2.3.1 Mazhab Behavioris

Mazhab behavioris menghuraikan perubahan tingkah laku sebagai hasil proses pembelajaran adalah kerana berlakunya perhubungan rangsangan dengan tindakbalas organisma. Diantara tokoh-tokoh mazhab behavioris yang terpengaruh ialah Pavlov, Thorndike dan Skinner (Mok, 2002). Menurut mereka tingkah laku pelajar boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Secara kesimpulannya, ahli behavioris melihat pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku pelajar secara kekal (Defrin, 2006)

2.3.2 Mazhab Kognitif

Tokoh-tokoh mazhab kognitif menekankan proses kognitif yang sebenarnya menghasilkan perubahan tingkah laku dalam pembelajaran. Mereka tidak bersetuju dengan teori stimuli-tindakbalas yang menyatakan pembelajaran berlaku kerana stimuli-tindakbalas dan latihan berulang-ulang. Mereka berpendapat pembelajaran ialah suatu proses kognitif untuk perhubungan perkara-perkara dalam persekitarannya. Diantara tokoh-tokoh mazhab kognitif ialah Kohler, Bruner, Gagne dan Ausubel (Mok, 2002). Sebagai contoh Bruner 1973, melihat pembelajaran sebagai proses aktif di mana pelajar membina idea baru atau konsep yang berasaskan pengetahuan lalu dan semasa mereka. Pelajar akan memilih dan memindahkan maklumat, membina hipotesis dan membuat keputusan mengikut struktur kognitif. Teori Gestalt sebagai contoh, banyak menceritakan tentang celik akal, kaedah penyelesaian masalah, penemuan, kategori pembelajaran dan resepsi. Otak manusia akan menyusun segala maklumat dalam ingatannya. Ahli kognitif dan konstruktif mentafsirkan pembelajaran sebagai proses meneroka dan mencari maklumat dan membina kefahaman sendiri (Mohamad *et al*, 2008).

2.3.3 Mazhab Sosial

Mazhab sosial menyarankan teori pembelajaran dengan menggabungkan teori mazhab behavioris dan mazhab kognitif yang telah diuraikan di atas. Tokoh mazhab sosial seperti Bandura menegaskan pembelajaran melalui proses permodelan, iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan (Mok, 2001). Bandura menyatakan seseorang akan meniru tingkahlaku yang diterima masyarakat dan juga tingkahlaku yang tidak diterima masyarakat.

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Bandura, beliau telah menjalankan eksperimen terhadap sekumpulan kanak-kanak berumur diantara 3 tahun hingga 6 tahun. Kanak-kanak tersebut telah diarahkan untuk melihat sekumpulan orang dewasa menubruk, menendang dan menjerit terhadap satu patung besar yang berisi udara (Bobo Doll). Kemudian kanak-kanak tersebut disuruh memukul patung yang sama. Didapati kanak-kanak tersebut telah menunjukkan tingkahlaku agresif dua kali ganda daripada orang dewasa serta menggunakan perkataan yang sama oleh orang dewasa

tersebut (Ee, 1995). Ini menunjukkan pembelajaran berlaku dengan memerhati individu lain (*observational learning*). Ia terdiri daripada dua bentuk iaitu peniruan (imitation) dan permodelan (modelling).

Tingkhilaku yang diterima termasuklah berbeza antara satu budaya dengan budaya yang lain, antara individu dan berbeza menurut situasi. Dengan demikian pembelajaran sosial tidak hanya melibatkan sesuatu pembelajaran tingkhilaku yang diterima tetapi juga tingkhilaku yang tidak diterima. Kenyataan ini adalah sama dengan proses generalisasi dan diskriminasi yang diutarakan oleh Skinner (Defrin, 2006).

2.3.4 Mazhab Humanis

Mazhab humanis berpendapat pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaannya. Mereka menegaskan setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah diaturkan mengikut kehendak dan perkembangan emosi pelajar sendiri (Mok, 2001). Mazhab humanis termasuk Carl Rogers yang menyatakan setiap individu mempunyai potensi dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan sendiri. Maka, guru hendaklah menjaga sendiri pelajar dan memberi bimbingan supaya potensi mereka dapat diperkembangkan ke tahap yang optimum.

2.4 Model-model gaya pembelajaran

Menurut Abd.Aziz *et al* (2006) gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor yang menghalang pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana gaya pembelajaran akan mempengaruhi cara seseorang memproses pengetahuan yang diterima (Abd. Rashid, 2006). Demi memperoleh pengetahuan dan kejayaan, seseorang pelajar itu haruslah mengetahui bagaimana caranya untuk memperoleh pengetahuan dengan mudah dan seterusnya diproses di dalam stor ingatan kekal agar ianya dapat diterjemahkan semula apabila diperlukan (Mohamad *et al*, 2008). Gaya pembelajaran yang dimalkan oleh seseorang adalah berlainan kerana manusia mempunyai akal yang berbeza. Tahap penguasaan manusia juga adalah berbeza mengikut jantina, kenyataan ini disokong oleh Mohamed Zakria

(2007) yang menyatakan bahawa setiap individu mempunyai cara yang berlainan dalam melihat, memproses dan menterjemahkan apa yang dipelajari.

2.4.1 Model gaya pembelajaran Felder & Silverman

Felder dan Silverman (1988) menakrifkan gaya pembelajaran sebagai ciri individu dalam menerima dan memproses maklumat. Takrifan lain bagi gaya pembelajaran adalah ciri-ciri kognitif dan fisiologi yang bertindak sebagai petunjuk bagaimana pelajar berinteraksi dan menghayati suasana pembelajaran. Ciri-ciri kognitif yang disebutkan merujuk kepada cara menerima, menyelesaikan masalah dan mengingati maklumat yang telah diterima. Analisa gaya pembelajaran pelajar secara umum telah banyak dilakukan. Kajian awal oleh Claxton dan Murrell pada tahun 1987 mengenengahkan analisis asas mengenai gaya pembelajaran pelajar. Kajian beliau berasaskan kepada perhubungan di antara mod pembelajaran pelajar dengan:-

- a) Personaliti diri.
- b) Keupayaan memproses maklumat
- c) Interaksi sosial
- d) Kaedah pengajaran oleh pengajar

Bagi memenuhi empat perhubungan tersebut, beliau menyarankan agar setiap pengajar perlu memahami kesan ke atas pelajar jika kaedah pengajaran yang digunakan tidak konsisten dengan gaya pembelajaran pelajar. Model bagi gaya pembelajaran pelajar telah dikaji dan dibangunkan dalam pelbagai aspek bergantung kepada bidang pengajian, kumpulan sasaran dan jenis ujian yang ingin dilakukan. Sungguhpun pelbagai model gaya pembelajaran telah dicadangkan oleh para penyelidik, hampir kesemuanya bersetuju bahawa cara belajar bagi setiap pelajar adalah berbeza berdasarkan gaya pembelajaran tersendiri (Alias Baba, 1997).

Instrumen penilaian psikometrik iaitu *Felder & Solomon's Index of Learning Styles* dihasilkan berdasarkan model gaya pembelajaran ini. Menurut Felder dan Silverman (1988), pada awalnya terdapat lima dimensi iaitu Persepsi (*Sensing-Intuitive*), Input (*Visual-Auditory*), Organisasi (*Inductive-Deductive*), Proses (*Active-Reflective*) dan Pemahaman (*Sequential-Global*). Kemudian dua perubahan telah dilakukan iaitu dimensi Organisasi (*Inductive-Deductive*) telah dibubarkan dan sub-skala *Visual-Auditory* telah diubah kepada *Visual-Verbal*. Model ini akhirnya

mengklasifikasikan pelajar kepada lapan kategori berdasarkan empat dimensi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.1:

Jadual 2.1: Model gaya pembelajaran Felder & Silverman (1988)

GAYA PEMBELAJARAN	CIRI
AKTIF	Lebih mudah belajar apabila dikehendaki melakukan sesuatu seperti aktiviti ' <i>hands on</i> ' dan gemar bekerja dalam satu pasukan. Sekiranya pelajar jenis ini diberikan satu projek untuk dilaksanakan, mereka lebih mudah memahami konsep yang berkaitan.
REFLEKTIF	Lebih suka memikirkan sesuatu perkara sedalam-dalamnya sebelum mencubanya. Kebiasaannya pelajar jenis ini suka bekerja bersendirian.
KONKRIT	Lebih cenderung kepada memahami fakta-fakta dan data, bersifat lebih praktikal dan senang memahami sesuatu yang konkrit dan berkaitan dengan kehidupan harian. Pelajar jenis ini lebih memahami penerangan yang terperinci tetapi bukan yang mengelirukan dan selalunya sangat teliti dalam menyelesaikan masalah walaupun kadangkala agak lambat.
INTUITIF	Lebih cenderung kepada memahami teori-teori, konsep-konsep dan formulaformula, bersifat lebih inovatif, imaginatif, suka kepelbagaian dalam penyelesaian masalah. Pelajar jenis ini cepat melakukan sesuatu tetapi agak kerap melakukan kesilapan.
VISUAL	Lebih menggemari penyampaian bahan pembelajaran dalam bentuk gambar, rajah, carta aliran, graf dan lakaran. Pelajar jenis ini lebih mengingati apa yang dilihat daripada yang didengarinya.
VERBAL	Lebih memahami sesuatu perkara apabila disampaikan dalam bentuk kuliah, penulisan teks dan formula matematik.
TERSUSUN	Lebih cenderung belajar secara teratur dan tersusun. Selain itu juga pelajar ini gemar mempelajari sesuatu secara linear dan lebih terperinci.
GLOBAL	Lebih menggemari pembelajaran secara holistik, keseluruhan dan pemikiran secara bersistem.

2.4.2 Model Honey dan Mumford

Terdapat beberapa model gaya pembelajaran yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji untuk melihat gaya pembelajaran seseorang. Honey dan Mumford (1992) mengklasifikasikan gaya pembelajaran merupakan penerangan melalui sikap dan tingkah laku belajar yang diamalkan oleh seseorang individu. Model ini telah membahagikan gaya pembelajaran kepada 4 iaitu *Aktivis*, *Reflektor*, *Teoris* dan *Pragmatis*. *Pelajar Aktivis* merupakan pelajar yang melibatkan diri secara aktif dan berminat dengan aktiviti pembelajarannya. Pelajar juga gemar mencari pengalaman baru selain berfikiran terbuka dan suka melibatkan diri di dalam kelompok perbincangan demi memperoleh pengetahuan.

Pelajar Reflektor merupakan golongan pelajar yang suka memerhati dan berfikir dalam menyelesaikan masalah. Mereka suka berfikir mengenai perkara-perkara yang terjadi disekitar dan mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis. *Pelajar Teoris* mengamalkan gaya pembelajaran yang menggunakan prinsip teori untuk membuat kesimpulan mengenai sesuatu perkara. Pelajar ini juga mempunyai daya fikiran yang logik dan rasional. Bagi golongan pelajar yang dikategorikan sebagai *Pelajar Pragmatis*, ianya merupakan golongan yang bersifat praktikal dan mementingkan hakikat yang sebenar daripada teori, hukum, prinsip yang sedia ada dalam situasi yang sebenar. Pelajar ini juga lebih bersifat ekspresif dan kreatif.

2.4.3 Model gaya pembelajaran Bernice McCarthy

Menurut Bernice McCarthy (1976) gaya pembelajaran seseorang individu adalah berlainan diantara satu sama lain. Beliau telah mengkategorikan gaya pembelajaran pelajar kepada 4 iaitu kepada *pelajar imaginatif*, *pelajar analitik*, *pelajar praktik* dan *pelajar dinamik*. Model gaya pembelajaran ini diberi nama Model Sistem 4MAT .4 gaya pembelajaran ini dapat dilihat daripada Jadual 2.2 di bawah:

RUJUKAN

- Abd. Aziz, N., Meerah, M.T.S., Halim, L., & Osman, K. (2006). Hubungan antara Motivasi, Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan 31*: 123-141.
- Abd. Rashid, K.A. (2006) Perkaitan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik dalam Mata Pelajaran Medan Elektromagnet di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di UTHM. PSP'S Research Digest. Politeknik Seberang Perai.
- Abd. Umar, Z., dan Senin., Z (2008) Perkaitan antara Gaya Pembelajaran Pelajar dengan Prestasi Matapelajaran Matematik Kejuruteraan. *Seminar Kebangsaan Matematik & Masyarakat*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Abu. B., Md. J, O. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan*, UTM Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, Bangi, Selangor.
- Alias, M., Wan Mohamed, W.A., Suradi, Z. (2012). *Statistic in Research*. Malaysia: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Alias, N. (2005). Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Pengajian Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL (6)*.

- Arshad. M.Y & Miskam. N.H.H (2010). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik* Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Awang Kechik, A. (2011). Reformasi dalam TVET : Perubahan masa hadapan. *Journal of Edupres*, (1), 336-341.
- Bernice McCarthy (1985). *The 4 MAT System: Teaching To Learning Styles With Right/Left Mode Technique*. Illinois: Excel, Inc. ASCD.
- Bernice McCarthy dan Dennis McCarthy (1976). *Teaching Around The 4MAT Cycle*. California: Crown Press
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Chua, Y.P. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Nominal* . Malaysia: McGraw Hill.
- Defrin, B., Mohd Kosnin, A. (2006). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan dikalangan Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sains Sukan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor..* Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda
- Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching Student through their Individual Learning Styles: The Centre for the Study of Learning and Teaching Styles*. St. John's University. Jamaica, New York.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Learning Styles/Teaching Styles: Should they.....can they be matched?*. Educational Leadership. January, 238-244.
- Ee Ah Meng (1995). *Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Felder, R.M. & Silverman, L. K. (1988). Learning and Teaching Styles in Engineering Education. *Journal of Engr. Education*. 78 (7): 674-681.

- Felder, R.M & Spurlin, J (2005). Applications, Reliability and Validity of Index of Learning Styles. *Int.J.Engng* 21(1) 103-112
- Felder, R.M. (1996). Matters of Style. *ASEE Prism*. 6 (4): 18-23. Available at www.ncsu.edu/Felder-public/LS-Prism.htm
- Hassan Hj. Mohd Ali (1996). *Strategi Belajar yang Berkesan*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hj. Arshad, M.Y., dan Miskam, N.H.H., (2010). Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992a). *Using your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992b). *The Manual of Learning Styles*. 2nd ed. United Kingdom: Peter Honey.
- Husin. H.N & Nordin.A. (2011). *Gaya Pembelajaran Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Berdasarkan Model Gaya Pembelajaran Bernice McCarthy*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana
- Ikhasan, M.N., dan Sapar, H. (2007). Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn. *Seminar Penyelidikan Pendidikan*. Institut Perguruan Batu Lintang.
- Kamaruddin, M.I dan Mohamad, A . (2011). Kajian Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, (2), 51-77.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011, Mei). Analisis keputusan SPM 2011: Sekolah Menengah Teknik & Sekolah Menengah Vokasional. Dicapai pada Mei 7, 2012, dari Kementerian Pelajaran Malaysia: <http://www.moe.gov.my/bptv/>.

- Konting, M (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, D.A (1979). *Experimental Learning Experiences As The Source of Learning and Development*. Englewood Cliffs, New York: Prentice Hall.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement. 30: 607-610.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori*. Malaysia: University Pendidikan Sultan Idris.
- Lee, M.F. (2001). Pola Gaya Pembelajaran Pelajar dan Gaya Pengajaran Guru dikalangan Pelajar dan Guru Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Daerah Johor Bahru – Satu Kajian Kes. UTM, Johor: Tesis Sarjana Muda.
- Marican, S. (2006). Persepsi Pelajar Instituti Pengajian Tinggi terhadap Tingkah Laku Devian di Tempat Kerja. *Jurnal Pemikir* : 43-58.
- Mohamad, B., Esa, A., Junoh, H. (2008). *Psikologi Pendidikan dalam PTV*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, UTM, Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana
- Mok Soon Sang (2001). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Sekolah Rendah : Komponen 1&2): Psikologi Pendidikan & Pedagogi*. Subang Jaya, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang(2002). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3. Psikologi Pendidikan & Pedagogi* Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mustaffa, R.(2007). Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 7(1): 1675-8021.
- Nabihah Badar (2003). *Perbandingan Preferen Stail Belajar di Kalangan Pelajar Berpencapaian Tinggi dan Rendah Matapelajaran Fizik*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Nancy Phang Kong Ming (2006). Pola Gaya Pembelajaran Felder & Silverman dikalangan Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknik Sekolah Menengah Teknik Kluang: Satu Kajian Kes. UTM, Johor: Tesis Sarjana Muda.
- Ng Sook Chin (2005). *Relationship between Learning Styles and Understanding of Selected Chemical Concepts among Pre-University Science Students*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Tesis Sarjana.
- Nordin, A dan Husin, N. H. (2007). *Gaya Pembelajaran Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Berdasarkan Model Gaya Pembelajaran Bernice McCarthy*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- Nun, H. (1999). *Gaya Pembelajaran Pelajar Di UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- R. J. Sternberg and L. F. Zhang (Eds.), *Perspectives on Cognitive, Learning, and Thinking Styles*. NJ: Lawrence Erlbaum, 2000.
- Robert E. Slavin (1997). *Educational Psychology: Theory and Practice*. Fifth Edition. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Sabri Ahmad (2003). *Kemahiran Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh, J. (2003). *Hubungan Gaya Pengajaran Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar bagi Mata Pelajaran Perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka*. Kolej Universiti Tun Hussien Onn: Laporan Projek Sarjana Muda.

Soon Mey Chee (2004). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Dikalangan Pelajar-Pelajar Fizik Pendidikan dan Fizik Industri* Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.

Tuckman, B.W *Conducting Educational Research*, 5th edn, Wadsworth Group (1999)

Unit Perancangan Ekonomi (2010, Jun). Rancangan Malaysia Kesepuluh: 2011-2015
Dicapai pada April 25, 2012 dari Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia: www.epu.gov.my

Yahaya, A dan Abdul Karim, S. (2003). Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik N. Sembilan. *National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan*. Puteri Pan Pacific, Johore bahru. 19-21.

Yahaya, A., Hashim, S., Mohd Nor, N. &, Yahaya, N. (2008). Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Pencapaian Akademik. Universiti Teknologi Mara, Melaka. Laporan Projek Sarjana.

Zwayno, M.S. Instructional Technology, Learning Styles and Academic Achievement, *Pro. 2003 Annual ASSE Conference*, ASSE (2003).